

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 3, June 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Hubungan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21

Jaggil Apak[1], Muhamad Suhaimi Taat[1]
[1]Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Jaggil Apak (jaggilapak@gmail.com)

Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21 dalam kalangan guru sekolah menengah harian biasa bantuan penuh kerajaan di negeri Sabah, Malaysia. Kajian bukan eksperimental ini mengaplikasikan kaedah tinjauan dengan menggabungkan beberapa teknik persampelan kebarangkalian bagi mendapatkan sampel. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi yang ditadbir ke atas 439 orang guru. Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 21.0. Statistik deskriptif dan inferensi seperti peratus, min, sisihan piawai, Ujian-t, dan korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data bagi menjawab soalan kajian. Analisis deskriptif menunjukkan tingkah laku pemupukan kreativiti guru dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 diamalkan pada tahap yang tinggi. Hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan tingkah laku pemupukan kreativiti dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 berdasarkan jantina. Ujian korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang sederhana bagi tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Implikasi dan cadangan kajian lanjut turut dibincangkan.

Kata kunci: pengurusan bilik darjah, tingkah laku pemupukan kreativiti guru, abad ke-21

The Relationship of Teachers' Creativity Fostering Behaviour with 21st Century Classroom Management

Abstract

This study was aimed at identifying the relationship of teachers' creativity fostering behaviour with 21st century classroom management among teachers in normal daily government-aided secondary schools in Sabah, Malaysia. The non-experimental study utilised the observation method by combining several variable sampling techniques to obtain samples. Data was collected through a set of adapted questionnaires administered to 439 teachers. The data were analysed using the IBM SPSS Statistical 21.0 software. Descriptive and inferential statistics such as percentage, mean, standard deviation, t-test, and Pearson correlation were used to analyse the data to answer the research questions. Descriptive analysis teachers' creativity fostering behaviour and 21st century classroom management being practised at a high level. Findings of the study also showed a significant difference in the min score of teachers' creativity fostering behaviour and 21st century classroom management according to gender. Pearson correlation test indicated a moderate positive linear relationship for teachers' creativity fostering behaviour with 21st century classroom management. The implications and suggestions for further study are also discussed.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 3, (page 64 - 79), 2018

Keywords: classroom management, teachers' creativitiy fostering behaviour, 21st century

Pengenalan

Perubahan pendidikan sering dikaitkan dengan meluasnya pengaruh globalisasi (Dede, 2010; Voogt, Erstad, Dede, & Mishra, 2013). Seperti yang dijelaskan Dede (2010), para pakar dalam bidang pendidikan bersetuju bahawa kurikulum perlu berubah agar signifikan dengan tuntutan kemahiran abad ke-21. Sejajar dengan situasi tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut melaksanakan kajian semula terhadap sistem pendidikan negara dalam konteks standard pendidikan antarabangsa dan akhirnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilancarkan (KPM, 2013). PPPM 2013-2025 merupakan hasil penglibatan masyarakat dan penyelidikan meluas yang dijalankan oleh KPM. Pelan ini dibangun dengan tiga objektif khusus, iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas, dan menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam kementerian (KPM, 2013). Antara langkah yang dikenal pasti bagi mencapai matlamat tersebut ialah melalui pembudayaan bilik darjah abad ke-21 atas kesedaran akan pentingnya perubahan kurikulum dan peranan bilik darjah bagi menjamin penyampaian kemahiran dalam kalangan murid (PPD Muar, 2015).

Di Malaysia, pengurusan bilik darjah abad ke-21 yang dihasratkan ialah transformasi bilik darjah dengan ruang pembelajaran kreatif yang lebih menarik (PPD Muar, 2015). Transformasi ini memerlukan guru melalui pengurusannya agar dapat merangsang murid untuk terus bersaing, belajar secara koperatif, dan memperoleh kemahiran dengan nilai kolaboratif. Guru bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjamin keberkesanan fungsi pengurusan bilik darjah (Guy, 1999; Manning & Bucher, 2013). Peranan guru sebagai pengurus bilik darjah adalah sangat penting khususnya sebagai ejen perubahan paling berkesan (Sellars, 2012; Izani Ibrahim & Yahya Don, 2014; Rosidah Abdullah Sani & Abdul Rahim Hamdan, 2014). Dalam konteks Malaysia, pengurusan bilik darjah guru yang berkesan amat diperlukan agar murid dapat mencapai enam aspirasi abad ke-21 yang diharapkan iaitu berpengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, memiliki etika dan kerohanian, dan beridentiti nasional (KPM, 2013). Oleh itu, kegagalan guru mengurus bilik darjahnya adalah dianggap serius (James Ang, 2014). Hal ini demikian kerana keberkesanan pengurusan guru telah dikenal pasti dapat meningkatkan kecemerlangan murid (Moe, Pazzaglia, & Ronconi, 2010; Mustafa, 2013).

Evertson & Weinstein (2006) dan Greenberg, Putman, & Walsh (2014) berhujah bahawa isu yang menjadi dasar dalam pendidikan sesebuah negara ialah peranan bilik darjah yang sinonim dengan tugas pengurusan guru. Penstrukturan semula bilik darjah bukan sahaja dapat membuka ruang untuk kemahiran abad ke-21 tetapi juga penerapan kaedah pengajaran dan penilaian baharu dalam pelaksanaan pendidikan (Voogt & Pareja Roblin, 2012). Kajian menunjukkan kemahiran mendesak yang merupakan asas kehidupan masyarakat abad ke-21, dan diakui telah diabaikan selama ini dalam kebanyakan sistem pendidikan ialah kolaborasi, komunikasi, literasi digital, penyelesaian masalah, pemikiran kritikal, identiti nasional, kreativiti, dan produktiviti (Dede, 2010; Olawale, Adeniyi & Olubela, 2010; Mishra & Kereluik, 2011; Fraillon, Ainley, Schulz, Friedman, & Gebhardt, 2014). KPM sendiri mengakui bahawa pengurusan bilik darjah abad ke-21 adalah cabaran getir bagi sekolah dan guru (KPM, 2013).

Putman (2012) turut sependapat bahawa pengurusan bilik darjah abad ke-21 mencabar kredibiliti guru kerana tekanan berkaitan peningkatan pencapaian murid, di samping keperluan mengimbangi kesulitan dari komposisi murid yang kian berubah. Literatur membuktikan pengurusan bilik darjah mendatangkan masalah serius kepada guru sehingga menimbulkan lesu upaya (*burnout*) dan ketidakpuasan kerja (Caner & Tertemiz, 2015). Pelbagai masalah berkaitan pengurusan bilik darjah turut didedahkan melalui kajian-kajian lepas sehingga menimbulkan perasaan gerun (Aldossari, 2013) dan menjadi punca guru bertukar profesion (Manning & Bucher, 2013; Gremmen, van den Berg, Segers, & Cillessen, 2016). Kajian turut mencatatkan bahawa guru tanpa kemahiran pengurusan bilik darjah akan berhadapan masalah kesukaran mengarahkan murid (Hicks, 2012; Manning & Bucher,

2013). Dapatan kajian TALIS (2013) membuktikan 25 peratus guru Malaysia berhadapan masalah kawalan murid (Bahagian Pendidikan Guru, 2016).

Kepentingan kreativiti guru di dalam bilik darjah diakui semenjak sekian lama (Lou & Chen, 2012; KPM, 2013; Craft, 2015; George Tamaki, 2015). Menurut Karwowski, Lebuda, Wisniewska, & Gralewski (2013), tingkah laku kreativiti dan inovasi dalam kalangan guru boleh diterima sebagai satu komponen yang sama. Mempromosikan kreativiti di dalam bilik darjah merupakan ciri penting dalam hubungan antara guru dan murid. Perkara ini tentu saja meliputi jangkaan yang tinggi, saling menghormati, sikap kreatif, fleksibiliti, dan melibatkan perbincangan (Davies, Jindal-Snape, & Collier, 2013; Ucus & Acar, 2018). Messmann & Mulder (2011) menjelaskan bahawa kelakuan kreatif guru merupakan tindakan melaksana dan menghurai tingkah laku inovasi yang merangkumi pematuhan, mendengar, dan mengadaptasi idea, membina strategi tindakan, menilai melalui refleksi dan penilaian, menyesuaikan inovasi, dan mencari sekutu. Tuntasnya, kreativiti guru adalah kritikal di dalam bilik darjah.

Kreativiti guru juga dikenal pasti sebagai elemen penting bagi melahirkan murid yang kreatif dan inovatif (Olawale *et al*., 2010; KPM, 2013, George Tamaki, 2015). Guru perlu memainkan peranan mereka sebagai model dan mentor di dalam bilik darjah (Cropley, 1997; Sawyer, 2012). Kreativiti berpotensi merangsang perubahan positif dalam amalan pedagogi, seterusnya mengubah bilik darjah menjadi komuniti pembelajaran aktif dan menyegarkan (Erin Justyna, 2016). Justeru, kreativiti guru dituntut tidak hanya terbatas dalam penyampaian kandungan kurikulum semata-mata. Sebaliknya, fokus juga perlu ditumpukan kepada soal bagaimana kandungan disampaikan kepada murid (Soh, 2015). Ringkasnya, Tingkah laku pemupukan kreativiti adalah bergantung kepada peranan guru agar pengajaran dan pembelajaran memberi impak tinggi terhadap kreativiti murid.

Sungguhpun pemupukan kreativiti di dalam bilik darjah sekian lama ditekankan, namun, isu yang timbul ialah potensi kreatif murid yang tidak dipupuk di sekolah (Andiliou & Murphy, 2010; Beghetto, 2010; Sawyer, 2010). Walhal, pemupukan kreativiti didapati sangat berpotensi untuk mempromosikan pembelajaran dan pengekalan ilmu dalam jangka masa yang panjang (Elaldi & Batdi, 2016; Gajda, Karwowski, & Beghetto, 2017). Dalam membangun kreativiti, guru disarankan untuk membina budaya terbuka agar murid berasa selamat serta bermotivasi (Chien & Hui, 2010; Reilly, Lilly, Bramwell, & Kronish, 2011). Malangnya, budaya ini pula dibatasi kekhuatiran terhadap isu kawalan tingkah laku murid jika terlalu diberikan kebebasan. Hakikatnya, tingkah laku pemupukan kreativiti merupakan inti pati penting pengajaran guru di dalam bilik darjah (Kampylis, 2010; Chan & Yue, 2014b).

Tujuan dan Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tingkah laku pemupukan kreativiti guru dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengukur tahap tingkah laku pemupukan kreativiti guru dan pengurusan bilik darjah abad ke-21.
ii. Mengenal pasti perbezaan skor min tingkah laku pemupukan kreativiti guru dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 berdasarkan jantina.
iii. Mengenal pasti hubungan yang signifikan tingkah laku pemupukan kreativiti guru dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21.

Hipotesis Kajian

Berpandukan objektif kajian yang telah ditetapkan, beberapa hipotesis nul telah dibina. Kajian ini menggunakan aras hipotesis nul berikut:

Ho^1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap tingkah laku pemupukan kreativiti guru berdasarkan jantina.

Ho^2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengurusan bilik darjah abad ke-21 berdasarkan jantina.

Ho^3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan tingkah laku pemupukan kreativiti guru dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21.

Tinjauan Literatur

Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, bilik darjah merupakan ruang fizikal sebenar pengajaran dan pembelajaran formal dilaksanakan (KPM, 2013). Oleh itu, kefahaman berkaitan definisi dan konsep pengurusan bilik darjah dalam konteks negara ini amat penting. Menurut Manning & Bucher (2013), sama ada guru mengajar dalam bilik darjah konvensional atau kontemporari abad ke-21, mereka tetap memiliki tanggungjawab profesional yang sama dalam mengamalkan pengurusan berkesan. Pengurusan bilik darjah juga adalah strategi bagi memastikan keselamatan fizikal dan psikologi di dalam bilik darjah, teknik untuk mengubah tingkah laku murid dan mengajar disiplin kendiri, kaedah menyusun atur aktiviti harian, serta teknik pengajaran yang menyumbang kepada tingkah laku positif murid (Adeyemo, 2012; Manning & Bucher, 2013; Aliakbari & Bozorgmanesh, 2015). Berdasarkan Kontinum Kawalan Guru Murid Glickman & Tamashiro (1980) dan teori Behaviourisme, Martin dan Sass (2010) pula menjelaskan pengurusan bilik darjah adalah sinonim dengan pengurusan pengajaran dan tingkah laku murid. Gremmen *et al.* (2016) pula menyatakan konsep pengurusan bilik darjah adalah berkaitan dengan keputusan dan tindakan guru berkenaan dengan organisasi dan struktur bilik darjah, yang harus selaras dengan falsafah guru itu sendiri dan budaya sekolah.

Perkembangan teknologi pada abad ke-21 adalah sangat pantas (Mishra & Koehler, 2006). Justeru, perkembangan tersebut telah mencorakkan satu kefahaman baharu dalam konsep pengurusan bilik darjah. Hal ini demikian kerana dunia pendidikan moden dikenal pasti amat bergantung kepada teknologi sebagai sumber maklumat utama (Bhasin, 2012). Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan nilai tambah dalam konsep dan definisi pengurusan bilik darjah abad ke-21. Dalam hal ini, pengurusan bilik darjah adalah meliputi aspek pengintegrasian teknologi terutamanya ke dalam aspek pedagogi bagi menggalakkan pembelajaran murid dan produktiviti guru (Aldunate & Nussbaum, 2013). Selain itu, pengurusan pengintegrasian teknologi juga merujuk kepada proses menerapkan teknologi maklumat dan komunikasi ke dalam pedagogi bilik darjah untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan teknologi murid (Borsheim, Merritt, & Reed, 2008; Inan & Lowther, 2010a; Hsu, 2010). Oleh itu, pengurusan bilik darjah abad ke-21 dalam kajian ini didefinisikan sebagai amalan guru dalam merancang, menyusun, memimpin, dan mengawal aspek tingkah laku murid, pengajaran, dan pengintegrasian teknologi di dalam bilik darjah bagi menjamin keberkesanan pembelajaran. Berpandukan literatur yang telah dijelaskan, pengurusan bilik darjah abad ke-21 dalam kajian ini dioperasikan dari tiga konstruk utama iaitu, pengurusan tingkah laku, pengurusan pengajaran, dan pengurusan pengintegrasian teknologi.

Beberapa kajian berkaitan pengurusan bilik darjah abad ke-21 telah dilakukan. Rahimi & Asadollahi (2012) menunjukkan faktor demografi seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, dan kategori sekolah tidak mempunyai hubungan dengan orientasi pengurusan bilik darjah. Saeedi (2016) pula mendapati guru lelaki memiliki tahap amalan lebih tinggi dan perbezaan signifikan jantina dalam pengurusan bilik darjah. Sementara itu, dapatan kajian Gremmen *et al.* (2016) pula memperoleh wujudnya hubungan signifikan yang lemah di antara kepercayaan guru dengan jantina. Kajian tersebut merumuskan bahawa jantina guru didapati tidak signifikan dengan pengurusan bilik darjah. Kajian Amadi & Allagoa (2017) mendapati jantina guru didapati tidak mempunyai pengaruh terhadap keberkesanan pengurusan bilik darjah. Hasil dapatan juga menunjukkan guru lelaki dan wanita memiliki skor min yang hampir sama melalui ujian statistik yang telah dilakukan.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 3, (page 64 - 79), 2018

Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru

Cropley (1997) telah mensintesiskan tingkah laku guru ke dalam sembilan strategi utama bagi membincangkan soal kepelbagaian keadaan dan faktor yang mampu menggalakkan kreativiti iaitu menggalakkan murid belajar secara bebas dan berdikari; gaya pengajaran guru secara koperatif dan berintegrasi sosial; memotivasikan murid untuk menguasai pengetahuan asas bagi mencungkil kepelbagaian cara fikiran; menangguhkan penilaian terhadap idea murid sebelum mereka mencari penyelesaian sepenuhnya; menggalakkan pemikiran fleksibel; menekankan penilaian kendiri; memandang serius cadangan dan soalan murid; memberi peluang murid belajar melalui kepelbagaian bahan dan situasi; dan akhir sekali membantu murid mengatasi kekecewaan atau kegagalan mereka agar bersemangat mencuba sesuatu yang baharu atau luar biasa.


Berpandukan saranan Cropley (1997), Soh (2015) telah melakukan kajian lanjutan berkaitan tingkah laku pemupukan kreativiti guru. Menurut beliau, tingkah laku pemupukan kreativiti merupakan tindak balas guru yang sesuai dan dilakukan tepat pada waktunya, sekali gus menggalakkan murid berusaha lebih secara semula jadi pada masa hadapan. Ringkasnya, guru berada pada kedudukan yang terbaik untuk memupuk kreativiti murid sekiranya boleh mempamerkan tingkah laku tersebut setiap hari di dalam bilik darjah. Soh (2015) membuat perincian berkaitan sembilan aspek tingkah laku pemupukan kreativiti guru iaitu kebebasan, integrasi, motivasi, pertimbangan, fleksibiliti, penilaian, pertanyaan, peluang, dan kekecewaan. Menurut Soh (2015), aspek kebebasan merupakan tindakan guru menggalakkan muridnya belajar sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. Aspek integrasi pula merupakan usaha guru menggalakkan kerjasama dalam kalangan murid semasa pengajaran dan pembelajaran. Aspek motivasi adalah tindakan guru menggalakkan murid menguasai fakta agar mempunyai asas yang kukuh untuk pelbagai aras pemikiran. Seterusnya, aspek pertimbangan adalah merujuk kepada tindakan guru melewatkan penilaian atau keputusannya terhadap idea murid sehingga mereka benar-benar dapat menerokai segala maklumat yang ada. Aspek fleksibiliti merupakan tingkah laku guru menggalakkan pemikiran murid agar lebih terbuka dan luwes ketika pembelajaran berlangsung.

Dalam kajian berhubung dengan pengajaran kreatif guru di dalam bilik darjah, Lou & Chen (2012) mendapati suasana pengajaran kreatif ialah pendekatan yang terbuka dan memberikan inspirasi dalam menggalakkan murid meneroka serta berinovasi dalam membangunkan kebolehan berfikir dan mencipta. Pengajaran kreatif mengaplikasikan teknik yang sesuai dan fleksibel bagi menjadikan kelas menarik serta menyeronokkan, sekali gus menyuburkan kreativiti dalam kalangan murid. Davies, Jindal-Snape, Digby, Howe, Collier, & Hay (2014) mendapati guru memainkan peranan penting dalam pembangunan persekitaran pembelajaran kreatif untuk memupuk kreativiti murid. Mereka boleh melakukan hal tersebut melalui pembinaan hubungan positif, memodelkan tingkah laku kreatif, merancang kurikulum jangka panjang, mencetuskan keseimbangan antara kebebasan dan struktur, membenarkan penggunaan ruang yang fleksibel, memahami keperluan murid dan gaya belajar, mewujudkan peluang untuk kerjasama dan penilaian rakan sebaya, dan berkesan penggunaan sumber.

Tinjauan literatur berkaitan tingkah laku pemupukan kreativiti guru menunjukkan kepentingan akan hubungan yang terbina di antara guru dan murid (Torrance, 1968, 1995). Faktor kreativiti dalam bilik darjah dilihat sebagai proses yang menekankan aspek perbezaan, berbanding percubaan untuk membentuk struktur yang homogen (Cropley, 1997). Torrance (1995) menjelaskan bahawa pada kebiasaannya guru lebih suka murid yang mempunyai kecerdasan tinggi berbanding mereka yang tinggi dari aspek kreativiti. Pendekatan ini menurut Torrance (1995) adalah salah, dan guru mesti mewujudkan suasana bilik darjah yang kreatif bagi memupuk kreativiti. Pandangan tersebut terbukti benar dalam kajian yang dilakukan Beghetto & Kaufman (2011) apabila mendapati guru kurang memberikan perhatian terhadap idea unik murid yang kurang relevan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tingkah laku guru boleh menyekat pemikiran kreatif murid. Hasil dapatan penyelidikan menunjukkan wujudnya hubungan antara personaliti guru dan kebolehan mereka menggalakkan kreativiti murid di dalam bilik darjah (Lee & Kempel, 2014).

Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pengurusan bilik darjah abad ke-21 ditetapkan sebagai pemboleh ubah bersandar, manakala tingkah laku pemupukan kreativiti bertindak sebagai pemboleh ubah bebas kajian. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual mengenai hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah jenis bukan eksperimental. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan sampel, yang bertujuan mengumpul maklumat daripada sebahagian populasi berkaitan pemboleh ubah kajian. Pendekatan kuantitatif digunakan bagi memudahkan usaha memperoleh data, di samping memastikan kebolehpercayaan, kesahihan dan kebolehperihalan data yang diperoleh. Penyelidikan yang melibatkan analisis statistik deskriptif dan inferensi ini turut mengkaji perbandingan persepsi guru dari aspek demografi iaitu jantina terhadap pemboleh ubah tingkah laku pemupukan kreativiti dan pengurusan bilik darjah abad ke-21.

Dalam kajian ini, populasi adalah dirujuk khusus kepada guru sekolah menengah harian biasa yang menerima bantuan penuh kerajaan di negeri Sabah. Terdapat 197 buah sekolah menengah kategori harian biasa bantuan penuh kerajaan dengan seramai 14,698 orang guru sedang berkhidmat (Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, 2017). penyelidik menetapkan saranan Krejcie & Morgan (1970) dijadikan panduan umum dalam menetapkan saiz sampel minimum kajian ini. Berdasarkan penelitian dan mengambil kira prinsip-prinsip asas statistik yang perlu dipatuhi untuk melaksanakan analisis data, penyelidik menetapkan saiz sampel untuk kajian ini adalah sebanyak 490 orang. Dalam kajian ini, beberapa kaedah pensampelan kebarangkalian digunakan seperti kaedah pensampelan berstrata, pensampelan kluster tahap pertama dan kedua, dan akhir sekali pensampelan rawak mudah. Berdasarkan penggabungan beberapa kaedah pensampelan, akhirnya jumlah sampel yang disasarkan dalam kajian ini ditetapkan memandangkan lokasi negeri Sabah yang luas dan memiliki kepelbagaian ciri.

Borang soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Penggunaan borang soal selidik adalah sesuai digunakan untuk mendapatkan data terutamanya kajian berbentuk kuantitatif yang memerlukan saiz sampel besar dan menyeluruh (Jacob & Ary, 1990; Babbie, 2001; Mohd. Majid Konting, 2000; Chua, 2006). Skala pengukuran yang digunakan dalam kajian ini ialah skala Likert lima mata. Alat kajian yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah bebas kajian ini ialah *Creativity Fostering Teacher Behavior Index* (CFTIndex) yang telah dibangunkan Soh (2015) berpandukan kajian Cropley (1997). Beberapa penyelidik terdahulu seperti Chan & Yuen (2014a), Dikici & Soh (2015), dan terkini Hui, Cheung, & Ho (2018) telah menggunakan alat pengukur ini.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 3, (page 64 - 79), 2018

Manakala, bagi mengukur pemboleh ubah bersandar kajian ini ialah *Behavior and Instructional Management Scale* (BIMS) oleh Martin & Sass (2010) dan *Teacher Integration of Information and Communication Technology Scale* (TIICTS) oleh Hsu (2010). BIMS diguna pakai kerana ia merupakan instrumen yang digunakan secara meluas dalam mengukur pengurusan bilik darjah (Santiago, 2012). Soal selidik BIMS oleh Martin & Sass (2010) telah diguna pakai oleh beberapa penyelidik terdahulu seperti Unal & Unal (2012), Jalali, Panahzade, & Firouzmand (2014), dan Sass, Lopes, Oliveira, & Martin (2016). Manakala soal selidik *Teacher Integration of Information and Communication Technology Scale* oleh Hsu (2010) pernah digunakan dalam beberapa kajian penyelidikan seperti Hsu (2011) dan Hsu & Kuan (2013). Semua instrumen telah melalui penyemakan kesahan kandungan terlebih dahulu sebelum digunakan ke atas sampel sebenar.

Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis deskriptif terhadap pemboleh ubah jantina, didapati sebanyak 157 orang (35.8%) adalah responden lelaki, manakala selebihnya 282 orang (64.2%) merupakan responden perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan skor min responden lelaki dan perempuan adalah pada tahap tinggi bagi setiap pemboleh ubah. Secara bandingan, skor min responden perempuan adalah lebih tinggi sedikit berbanding skor min responden lelaki bagi kedua-dua pemboleh ubah. Umumnya, analisis menunjukkan responden lelaki dan perempuan mempunyai tahap yang tinggi sama ada dalam persetujuan dan kekerapan melakukan terhadap tingkah laku pemupukan kreativiti dan pelaksanaan pengurusan bilik darjah abad ke-21 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skor Min Pemboleh Ubah Kajian Mengikut Jantina

Jantina		**Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti**	**Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21**
Lelaki	*M*	3.984	4.000
	SD	0.355	0.366
	N	157	157
Perempuan	*M*	4.015	4.030
	SD	0.358	0.352
	N	282	282
Jumlah	*M*	4.004	4.019
	SD	0.356	0.357
	N	439	439

Tahap Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21

Analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, dan min digunakan untuk menentukan tahap tingkah laku pemupukan kreativiti dan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Tahap pemeringkatan adalah berdasarkan panduan yang diberikan oleh Levin & Rubin (1998) dan Mohd Yusof (2006). Tahap pemeringkatan dilaporkan sama ada tinggi, sederhana, atau rendah. Keputusan analisis pemeringkatan tahap ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah diamalkan pada tahap tinggi iaitu tingkah laku pemupukan kreativiti sebanyak 85.0% dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 sebanyak 83.8%. Hanya sebilangan kecil guru yang mempersepsikan tingkah laku pemupukan kreativiti dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 mereka pada tahap sederhana seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 3, (page 64 - 79), 2018

Jadual 2: Tahap Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21

Pemboleh Ubah	Tahap		Jumlah
	Sederhana *N* (%)	Tinggi *N* (%)	
Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti	66 (15.0%)	373 (85.0%)	439
Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21	71 (16.2%)	368 (83.8%)	439

Ho[1] Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru Berdasarkan Jantina.

Analisis bagi sampel kajian ini (*N*=439) menunjukkan terdapat perbezaan skor min sebanyak 0.030 di antara kedua-dua kumpulan responden berhubung tingkah laku pemupukan kreativiti di dalam bilik darjah. Analisis menunjukkan skor min lelaki (*M*=3.984, *SD*=0.353, *N*=157) lebih rendah sedikit berbanding skor min perempuan (*M*=4.015, *SD*=0.358, *N*=282) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Nilai min yang lebih tinggi bagi kumpulan guru perempuan menunjukkan mereka mempunyai tingkah laku pemupukan kreativiti lebih kerap di dalam bilik darjah berbanding guru lelaki. Berdasarkan hasil Ujian-*t*, keputusan yang diperoleh adalah tidak signifikan (*t*=-0.853, *df*=437, *p*>0.05). Hal ini bermakna Hipotesis Nul 1 (Ho^1) gagal ditolak. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan bagi pemboleh ubah tingkah laku pemupukan kreativiti antara guru lelaki dan perempuan.

Jadual 3: Analisis Ujian-*t* Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru Berdasarkan Jantina

Pemboleh Ubah		*M*	*SD*	*F*	Nilai-*t*	*df*	*Sig* (2-Hujung)
PK	Lelaki	3.984	0.353	.004	-.853	437	.947
	Perempuan	4.015	0.358				

*Signifikan pada tahap *p*<0.05 (2-Hujung)

PK - Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti

Ho[2] Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina.

Analisis bagi sampel kajian ini (*N*=439) menunjukkan terdapat perbezaan min yang kecil sebanyak *M*=0.030 antara kedua-dua kumpulan responden dalam pelaksanaan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Analisis yang dilakukan menunjukkan min responden lelaki (*M*=4.00, *SD*=0.366, *N*=157) sedikit lebih rendah berbanding min responden perempuan (*M*=4.030, *SD*=0.351, *N*=282). Perkara ini menunjukkan bahawa responden perempuan melaksanakan pengurusan bilik darjah abad ke-21 lebih baik berbanding responden lelaki. Berdasarkan Jadual 4 yang memaparkan hasil analisis Ujian-*t* bagi pemboleh ubah pengurusan bilik darjah abad ke-21, keputusan yang diperoleh bagi sampel kajian ini (*N*=439) adalah tidak signifikan (*t*=-.847, *df*=437, *p*>0.05). Hal ini bermakna Hipotesis Nul 4 (Ho^4) gagal ditolak. Oleh sebab itu, dapatan ini merumuskan bahawa tidak terdapat pengurusan bilik darjah abad ke-21 antara guru lelaki dan perempuan. Analisis Ujian-*t* ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Analisis Ujian-*t* Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina

Pemboleh ubah		*M*	*SD*	*F*	Nilai-t	*df*	*Sig (2-Hujung)*
PBD21	Lelaki	4.000	0.366	.066	-.847	437	.398
	Perempuan	4.030	0.351				

*Signifikan pada tahap $p<0.05$ (2-Hujung)

PBD21 - Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21

Ho[3] Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru Dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21.

Keputusan nilai koefisien ujian Korelasi Pearson bagi jumlah sampel kajian (N=439) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 menunjukkan terdapat korelasi positif yang signifikan antara pemboleh ubah bebas tingkah laku pemupukan kreativiti (r=0.509, $p<0.01$) dengan pemboleh ubah bersandar pengurusan bilik darjah abad ke-21. Kekuatan hubungan adalah sederhana berpandukan indeks korelasi yang dicadangkan Cohen, Manion, & Morrison (2007). Memandangkan dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, maka Hipotesis Nul 3 (Ho^3) ditolak. Justeru, kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21.

Jadual 5: Analisis Korelasi Pearson Tingkah Laku Pemupukan kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21

Pemboleh Ubah		PK
Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21	Korelasi Pearson	.509**
	p (*Sig*)	.000

**Signifikan pada Tahap $p<0.01$ (2-Hujung)

PK - Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti

Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis deskriptif yang dilakukan, tingkah laku pemupukan kreativiti dalam kalangan guru didapati berada pada tahap tinggi. Keadaan ini menepati hasrat KPM (2013) yang memandang serius penekanan unsur kreativiti dalam pengajaran guru seperti yang dijelaskan melalui PPPM 2013-2025. Dapatan kajian ini menyamai kajian Cheung (2012) bahawa kebanyakan guru mempunyai kepercayaan tinggi tentang amalan kreativiti yang baik di dalam bilik darjah. Kajian ini konsisten dengan kajian Chan & Yuen (2015) kerana guru amat menekankan serta menghargai tingkah laku pemupukan kreativiti dalam kalangan murid.

Dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan beberapa prinsip yang terkandung dalam Model Kreativiti 4P Rhodes (1961). Keempat-empat aspek dalam model Kreativiti 4P (*People, Practice, Product,* dan *Press*) adalah saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Namun, kajian ini hanya menumpukan kepada konsep *people* dan *practice*, dan mendapati guru-guru memiliki daya tingkah laku pemupukan kreativiti yang tinggi di dalam bilik darjah abad ke-21. Lantaran itu, guru perlu mempunyai sikap positif terhadap kreativiti dan berasa yakin tentang asas kemahiran mereka sendiri seperti yang ditunjukkan dalam kajian ini sejajar dengan Teori Pemikiran Kreativiti Torrance dan Teori Perkembangan Kreativiti Fisher.

Kajian ini mendapati pengurusan bilik darjah abad ke-21 berada pada tahap tinggi. Indikator ini menunjukkan guru melaksanakan pengurusan bilik darjah dalam konteks abad ke-21 dengan berkesan

meliputi pengajaran, kawalan tingkah laku, dan penyebatian teknologi dalam bilik darjah. Seperti yang dijelaskan Manning & Bucher (2013), pengurusan merupakan cabaran kepada guru dalam bilik darjah kontemporari abad ke-21. Pengurusan guru yang berkesan adalah signifikan terhadap kejayaan operasi sekolah abad ke-21 (Bush, 2011). Tahap pengurusan bilik darjah guru yang berada pada aras tinggi juga menjadi petunjuk bahawa guru memiliki kemahiran dalam pengurusan bilik darjah yang amat penting seperti ditegaskan Manning & Bucher (2013), Aldossari (2013) dan Hicks (2012).

Melalui kajian ini, Kontinum Kawalan Guru-Murid Glickman & Tamashiro (1980) turut dibuktikan menerusi amalan pengurusan bilik darjah abad ke-21 yang berada pada tahap tinggi. Dalam model tersebut, tiga pendekatan utama bagi menjelaskan interaksi guru dan murid di dalam bilik darjah dibincangkan, iaitu bukan-intervensionis, intervensionis, dan interaksionalis. Dalam kajian ini, kawalan guru terhadap murid adalah bersifat intervensionis. Dalam erti kata yang lain, kefahaman perspektif guru lebih terarah kepada menyokong idea-idea yang dikemukakan dalam teori Behaviorisme. Murid diandaikan belajar untuk berkelakuan sesuai dengan disiplin tertentu yang diteguhkan guru terlebih dahulu.

Sejajar dengan Model Disiplin Asertif Canter (1974), tingkah laku guru mengamalkan pengurusan bilik darjah yang tinggi juga bermaksud kawalan terhadap murid yang tinggi. Pada masa yang sama, kesedaran terhadap hak murid tetap tidak diabaikan. Hal ini terbukti apabila tingkah laku pemupukan kreativiti guru turut berada pada tahap tinggi. Dapatan ini turut menyokong prinsip-prinsip yang dibincangkan dalam Model Pengurusan Pengajaran Kounin yang berteraskan dinamika dalaman bilik darjah, persekitaran, dan tingkah laku murid serta guru. Kounin (1970) menjelaskan bahawa adalah lebih berkesan sekiranya guru bertindak secara proaktif menghentikan sesuatu perlakuan murid yang tidak diingini sebelum menular. Kajian ini sehaluan dengan kajian Sivri & Balci (2015) dan Kazu & Erten (2014). Sungguhpun demikian, dapatan kajian ini berkontra dengan kajian Suprayogi, Valcke, & Godwin (2017). Kajian mereka walaupun menunjukkan pelaksanaan pengajaran berbeza diamalkan pada tahap tinggi, namun situasi tersebut masih berada di bawah penanda aras kritikal.

Kajian ini memutuskan bahawa tiada perbezaan dalam tingkah laku pemupukan kreativiti guru berdasarkan jantina. Keputusan kajian ini menyamai kajian Chan & Yuen (2014b), Ozkal (2014), dan Hondzel (2013) yang mendapati faktor jantina tidak memberikan kesan perbezaan dalam tingkah laku pemupukan kreativiti guru. Dalam soal pandangan berkaitan penyelidikan kreativiti terkini, Cachia, Ferrari, Ala-Mutka, & Punie (2010) mendapati guru lelaki lebih cenderung melakukan kesilapan dalam kefahaman terhadap kreativiti itu sendiri jika dibandingkan dengan guru perempuan.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang kecil antara guru lelaki dan perempuan dalam pelaksanaan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Hal ini bermakna, guru lelaki turut melaksanakan pengurusan bilik darjah dengan baik dan berkesan. Perbandingan skor min ini menyamai dapatan beberapa kajian sebelumnya. Antaranya, kajian Sivri & Balci (2015) dan Goldenberg & Roberts (2013). Kajian ini ternyata tidak sehaluan dengan dapatan Polat, Kaya, & Akdag (2013) yang membuat rumusan bahawa guru lelaki mempunyai tahap lebih tinggi bagi model peraturan-akibat (*rules-consequences*) dan kawalan bilik darjah. Kajian lain yang turut membuktikan guru lelaki mempunyai tahap pengurusan bilik darjah yang lebih baik ialah kajian oleh Klassen & Chiu (2010) dan Santiago (2012).

Kajian ini merumuskan bahawa hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar adalah signifikan. Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan adalah sederhana diperoleh antara tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Secara keseluruhannya, darjah hubungan linear antara tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21 adalah positif. Dalam pengurusan bilik darjah yang disarankan pihak KPM, unsur kreativiti guru adalah penting dan sangat ditekankan (KPM, 2013). Tingkah laku pemupukan kreativiti menjadi satu petanda penting kesediaan guru terhadap perubahan pendidikan yang diimplementasikan kerajaan. Dapatan kajian yang menunjukkan wujudnya hubungan antara tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21 membuktikan guru melaksanakan tingkah laku pemupukan kreativiti seiring dengan amalan pengurusan bilik abad ke-21. Dapatan ini adalah sejajar dengan beberapa kajian terdahulu yang mempunyai penemuan yang sama

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 3, (page 64 - 79), 2018

seperti Ucus & Acar (2018), Chan & Yuen (2015), dan Alsahou (2015). Dari satu segi, kajian ini tidak menyokong dapatan kajian Erin Justyna (2016) dan Cheung (2012) yang menunjukkan tidak terdapat hubungan antara pemupukan kreativiti dengan pengajaran di dalam bilik darjah.

Implikasi dan Cadangan

Kajian ini merumuskan bahawa hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar adalah signifikan. Kekuatan hubungan adalah sederhana yang diperoleh antara pemboleh ubah tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Secara keseluruhannya, darjah hubungan linear antara tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21 adalah positif. Dalam pengurusan bilik darjah yang disarankan pihak KPM, unsur kreativiti guru adalah penting dan sangat ditekankan (KPM, 2013). Oleh itu, dari segi amalannya guru perlu melaksanakan tingkah laku pemupukan kreativiti seiring dengan amalan pengurusan bilik abad ke-21.

Kajian ini juga memberi penambahbaikan kepada model pengurusan bilik darjah gagasan Martin & Sass (2010). Model asal BIMS yang hanya mengandungi dua konstruk iaitu pengurusan pengajaran dan pengurusan tingkah laku digabungkan dengan konstruk pengurusan pengintegrasian ke dalam model asal. Penambahbaikan ini diyakini dapat melengkapkan maksud pengurusan bilik darjah dalam konteks abad ke-21. Dapatan kajian ini juga dapat menyokong dan mengukuhkan lagi Model TPACK yang memainkan peranan penting bagi menyediakan guru dalam pengintegrasian teknologi berdasarkan tiga komponen iaitu teknologi, pedagogi, dan kandungan dalam amalan pengajaran.

Seterusnya, implikasi kajian juga dapat diperhatikan dari segi input tambahan terhadap beberapa teori lain yang mendasari kajian berkaitan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Model ini membuktikan bahawa Kontinum Kawalan Guru-Murid Glickman & Tamashiro (1980), Model Pengurusan Pengajaran Kounin (*Instructional Management*), dan Model Disiplin Asertif Canter (1974) adalah menyokong dapatan kajian yang diperoleh. Selain itu, teori dan model berkaitan tingkah laku pemupukan kreativiti turut dibuktikan kebergunaan dan implikasinya melalui kajian ini. Cropley (1997) telah mensintesiskan tingkah laku guru ke dalam sembilan strategi utama bagi membincangkan soal kepelbagaian keadaan dan faktor yang menggalakkan kreativiti guru di dalam bilik darjah.

Secara khusus, penemuan dalam kajian ini mampu dijadikan panduan penyelidikan akan datang terutamanya dalam melihat elemen-elemen yang mempunyai hubungan denga pengurusan bilik darjah dalam konteks abad ke-21. Pada masa yang sama, penemuan kajian ini juga memperluaskan lagi skop penyelidikan berkaitan tingkah laku pemupukan kreativiti guru. Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini juga boleh digunakan dalam penyelidikan akan datang. Hal ini demikian kerana ia adalah adaptasi sah dari pemilik asal mengikut konteks lokasi kajian ini. Penterjemahan yang dilakukan secara *back to back* meningkatkan lagi keyakinan terhadap keupayaan alat ukur kajian ini. Selain itu, ia juga telah diuji dan disahkan beberapa pakar dalam bidang berkaitan berpandukan prosedur dan standard yang ketat.

Guru juga digesa untuk menyahut seruan mentransformasikan pendidikan negara ke arah yang lebih baik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru melaksanakan pengurusan bilik darjah pada tahap yang tinggi. Oleh itu, pengurusan bilik darjah abad ke-21 yang baik dan berkesan harus dilestarikan demi membangun dan meningkatkan standard kualiti pendidikan negara. Proses tingkah laku pemupukan kreativiti guru di bilik darjah memerlukan guru lebih mendekati, memahami masalah, dan keperluan murid.

Kajian yang telah dijalankan ini hanya bertumpu kepada populasi sekolah menengah harian biasa yang mendapat bantuan penuh kerajaan di negeri Sabah sebagai populasi kajian. Penyelidikan selanjutnya dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah rendah harian biasa bantuan penuh kerajaan atau sekolah-sekolah di luar kategori ini bagi menguji sama ada hasil dapatan menunjukkan persamaan atau sebaliknya. Akhir sekali, keperluan kajian mengenai impak latihan dan peluang pembangunan

profesional dalam kalangan guru adalah mendesak khususnya berkaitan pengurusan pengajaran dan pengintegrasian teknologi di dalam bilik darjah abad ke-21.

Kesimpulan

Berdasarkan penemuan kajian didapati pemboleh ubah bebas iaitu tingkah laku pemupukan kreativiti yang dikaji menunjukkan terdapat hubungan dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Oleh itu, pemupukan kreativiti perlu diamalkan guru dalam penyampaian pengajarannya. Kajian ini merupakan antara penyelidikan terawal yang meneliti hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21 khususnya di negeri Sabah, Malaysia. Sumbangan kajian ini amat jelas dalam merungkai persoalan-persoalan kajian yang timbul, di samping memberikan ruang atau lompang (gap) untuk kajian seterusnya.

Rujukan

Adeyemo, S. A. (2012). The Relationship Between Effective Classroom Management and Students' Academic Achievement. *European Journal of Educational Studies, 4*, 367–381.

Aldossari, A. T. (2013). *Classroom Management Approaches of Primary Teachers in The Kingdom of Saudi Arabia: Descriptions and The Development of Curriculum and Instruction with a Focus on Islamic Education Teachers*. Doctoral Theses. Durham: Durham University.

Aldunate, R. & Nussbaum, M. (2013). Teacher Adoption of Technology. *Computers in Human Behavior, 29*(3), 519-524.

Aliakbari, M., & Bozorgmanesh, B. (2015). Assertive Classroom Management Strategies and Students' Performance: The Case of EFL Classroom. *Cogent Education,* 2, 1-12.

Alsahou, H. (2015). *Teachers' Beliefs About Creativity and Practices for Fostering Creativity in Science Classrooms in The State of Kuwait*. Doctoral Dissertation. Exeter, England: University of Exeter.

Amadi, E. C., & Allagoa, I. C. (2017). Teachers' Demographic Variables as Determinants of Effective Classroom Management in Secondary Schools in Rivers State. *International Journal of Innovative Social Sciences & Humanities Research, 5*(4), 67-71.

Andiliou, A., & Murphy, P. K. (2010). Examining Variations Among Researchers' and Teachers' Conceptualizations of Creativity: A Review and Synthesis of Contemporary Research. *Educational Research Review, 5*, 201–219.

Babbie, E. R. (2001). *The Practice of Social Research* (9th ed). Belmont, California: Wadsworth Thompson Learning.

Bahagian Pendidikan Guru. (2016). *Kajian Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran (TALIS) 2013*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Beghetto, R. A. (2010). Creativity in The Classroom. *In* Kaufman, J. C., & Sternberg, R. J. (eds.). *The Cambridge Handbook of Creativity*. pp. 447-466. New York, NY: Cambridge University Press.

Beghetto, R. A., & Kaufman, J. C. (2011). Teaching for Creativity with Disciplined Improvisation. *In* Sawyer R. K. (ed.). *Structure and Improvisation in Creative Teaching*. pp. 94-109. New York, NY: Cambridge University Press.

Bhasin, B. (2012). Integration of Information Communication Technologies in Enhancing Teaching and Learning. *Contemporary Educational Technology, 3*(2), 130-140.

Borsheim, C., Merritt, K., & Reed, D. (2008). Beyond Technology for Technology's Sake: Advancing Multiliteracies in The Twenty-first Century. *Clearing House, 82*(2), 87-90.

Bush, T. (2011). *Theories of Educational Leadership and Management* (4th ed). London: SAGE Publications Ltd.

Cachia, R., Ferrari, A., Ala-Mutka, K., & Punie, Y. (2010). *Creative Learning and Innovative Teaching: Final Report on The Study on Creativity and Innovation in Education in EU Member States*. Seville, Spain: European Commission, Joint Research Centre, Institute for Prospective Technological Studies.

Caner, H. A., & Tertemiz, N. I. (2015). Beliefs, Attitudes and Classroom Management: A Study on Prospective Teachers. *Procedia-Social and Behavioral Sciences, 186*, 155-160.

Canter, L. (1974). *The Way and How's of Working with Behavior Problems in The Classroom.* San Rafael, CA: Academic Therapy Press.

Chan, S., & Yuen, M. (2014a). Creativity Beliefs, Creative Personality and Creativity Fostering Practices of Gifted Education Teachers and Regular Class Teachers in Hong Kong. *Thinking Skills and Creativity, 14*, 109–118.

Chan, S., & Yuen, M. (2014b). Personal and Environmental Factors Affecting Teachers' Creativity Fostering Practices in Hong Kong. *Thinking Skills and Creativity, 12*, 69–77.

Chan, S., & Yuen, M. (2015). Teachers' Beliefs and Practices for Nurturing Creativity in Students: Perspectives from Teachers of Gifted Students in Hong Kong. *Gifted Education International, 31*(3), 200-213.

Cheung, R. H. P. (2012). Teaching for Creativity: Examining the Beliefs of Early Childhood Teachers and Their Influence on Teaching Practices. *Australasian Journal of Early Childhood, 37*(3), 43–51.

Chien, C., & Hui, A. N. N. (2010). Creativity in Early Childhood Education: Teachers' Perceptions in Three Chinese Societies. *Thinking Skills and Creativity, 5*, 49–60.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Asas Statistik Penyelidikan.* Kuala Lumpur: McGraw Hill.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th ed). New York: Routledge.

Craft, A. (2015). *Creativity, Education and Society: Writings of Anna Craft*. London: Institute of Education Press.

Cropley, A. J. (1997). Fostering creativity in the classroom: General principles. *In* Runco, M. A. (ed.). *The Creativity Research Handbook* Vol. 1. pp. 83-114. Cresskill, NJ: Hampton Press.

Davies, D., Jindal-Snape, D., & Collier, C. (2013). Creative Learning Environments in Education – A Systematic Literature Review. *Thinking Skills and Creativity, 8*, 80–91.

Davies, D., Jindal-Snape, D., Digby, R., Howe, A., Collier, C., & Hay, P. (2014). The Roles and Development Needs of Teachers to Promote Creativity: A Systematic Review of Literature. *Teaching and Teacher Education, 41*, 34-41.

Dede, C. (2010). Comparing Frameworks for 21st Century Skills. *In* Bellanca, J., & Brandt, R. (eds.). *21st Century Skills*. Bloomington, IN: Solution Tree Press.

Dikici, A., & Soh, K. (2015). Indexing Creativity Fostering Teacher Behaviour: Replication and Modification. *Higher Education of Social Science, 9*(3), 1-10.

Elaldi, S., & Batdi, V. (2016). Comparing Effects of Different Applications on Preservice Teachers: A Meta-Analysis. *Journal of Education and Training Studies, 4*(7), 70-81.

Erin Justyna, M. A. (2016). *Creativity in Higher Education Curriculum: A Qualitative Case Study of Pedagogical Processes and Practices*. Doctoral Thesis. Texas, USA: Texas Tech University.

Evertson, C. M., & Weistein, C. S. (2006). Classroom Management as a Field of Inquiry. *In* Evertson, C. M. & Weinstein, C. S. (eds.). *Handbook of Classroom Management: Research, Practice, and Contemporary Issues*. pp. 3-15. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Fisher, R. (2011). *Critical Thinking: An Introduction* (2nd ed). Cambridge: Cambridge University Press.

Fraillon, J., Ainley, J., Schulz, W., Friedman, T., & Gebhardt, E. (2014). *Preparing for Life in a Digital Age - The IEA International Computer and Information Literacy Study International Report*. Heidelberg: Springer International Publishing.

Gajda, A., Beghetto, R. A., & Karwowski, M. (2017). Exploring Creative Learning in The Classroom: A Multi-Method Approach. *Thinking Skills and Creativity, 24*, 250-267.

George Tamaki. (2015). *Kreativiti Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Di Sekolah Menengah Daerah Kudat, Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Glickman, C. D., & Tamashiro, R. T. (1980). Clarifying Teachers' Beliefs About Discipline. *Educational Leadership*. *37*, 459-464.

Goldenberg, J. L., & Roberts, T. A. (2013). The Beast Within the Beauty. *In* Greenberg, J. L. (ed.). *Handbook of Experimental Existential Psychology* (pp. 71–75). New York: Guilford Press.

Greenberg, J., Putman, H., & Walsh, K. (2014). *Training Our Future Teachers: Classroom Management*. Washington, DC: National Council of Teacher Quality.

Gremmen, M. C., van den Berg, Y. H., Segers, E., & Cillessen, A. H. (2016). Considerations for Classroom Seating Arrangements and The Role of Teacher Characteristics and Beliefs. *Social Psychology of Education, 19*(4), 749-774.

Guy, R. L. (1999). *Psychology for Teaching*. California: Wadsworth Thomson Learning.

Hicks, S. D. (2012). *Self-Efficacy and Classroom Management: A Correlation Study Regarding the Factors That Influence Classroom Management*. Doctoral Dissertation. Lynchburg, VA: Liberty University.

Hondzel, C. M. D. (2013). *Fostering Creativity: Ontario Teachers' Perceptions, Strategies, and Experiences.* Doctoral Dissertation. Ontario, Canada: The University of Western Ontario.

Hsu, S. (2010). Developing a Scale for Teacher Integration of Information and Communication Technology in Grades 1–9. *Journal of Computer Assisted Learning, 26*, 175–189.

Hsu, S., & Kuan, P. Y. (2013). The Impact of Multilevel Factors on Technology Integration: The Case of Taiwanese Grade 1–9 Teachers and Schools. *Educational Technology Research and Development, 61*(1), 25-50.

Hui, A. N., Cheung, R. W., & Ho, M. Y. (2018). Creativity Fostering Teacher Index and the Outcome of a Drama-enriched Curriculum in Creativity in Education. *In* Cheng, S. K. (ed.). *Creativity Fostering Teacher Behavior: Measurement and Research*. pp 75-91. Singapore: World Scientific Education.

Inan, F. A., & Lowther, D. L. (2010a). Factors Affecting Technology Integration in K-12 Classrooms: A Path Model. *Educational Technology Research and Development, 58*(2), 137-154.

Izani Ibrahim, & Yahya Don. (2014). Servant Leadership and Effective Changes Management in Schools. *International Journal of Scientific and Research Publications, 4*(1), 1-9.

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. (2017). *Data Sekolah Menengah Melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Negeri Sabah.* Kota Kinabalu: Sektor Pengurusan Akademik.

Jacob, C. L., & Ary, D. (1990). *Introduction to Research in Education*. Orlando: Harcourt Brance Collage Publishers.

Jalali, S., Panahzade, V., & Firouzmand, A. (2014). Attitude Towards Computers and Classroom Management of Language School Teachers. *International Journal of Instruction, 7*(2), 35-50.

James Ang Jit Eng. (2014). *Pengurusan Bilik Darjah: Strategi-Strategi Mewujudkan Komuniti Pembelajaran Berkesan*. Batu Caves, Selangor: PTS Akademia.

Kampylis, P. G. (2010). *Fostering Creative Thinking: The Role of Primary Teachers*. Jyväskylä, Finland: University of Jyväskylä.

Karwowski, M., Lebuda, I., Wisniewska, E., & Gralewski, J. (2013). Big Five Personality Factors as The Predictors of Creative Self-Efficacy and Creative Personal Identity: Does Gender Matter? *The Journal of Creative Behavior, 47*, 215–232.

Kazu, I. Y., & Erten, P. (2014). Teachers' technological pedagogical content knowledge self-efficacies. *Journal of Education and Training Studies, 2*(2), 126-144.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah).* Putrajaya: Malaysia.

Klassen, R. M., & Chiu, M. M. (2010). Effects on Teachers' Self-Efficacy and Job Satisfaction: Teacher Gender, Years of Experience, and Job Stress. *Journal of Educational Psychology, 102*(3), 741-756.

Kounin, J. S. (1970). *Discipline and Group Management in Classroom*. New York: Holt, Rinehart and Wilson.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sampel Size for Research Activities. *Educational & Psychological Measurement, 30*, 607-610.

Lee, I. R., & Kemple, K. (2014). Preservice Teachers' Personality Traits and Engagement in Creative Activities as Predictors of Their Support for Children's Creativity. *Creativity Research Journal, 26*(1), 82-94.

Lou, S., & Chen, N. (2012). Using Blended Creative Teaching: Improving A Teacher Education Course on Designing Materials for Young Children. *Australasian Journal of Educational Technology, 28*(5), 776–792.

Manning, M. L., & Bucher, K. T. (2013). *Classroom Management: Models, Applications, and Cases* (3rd ed). Upper Saddle River, NJ: Pearson.

Martin, N. K., & Sass, D. A. (2010). Construct validation of the Behavior and Instructional Management Scale. *Teaching and Teacher Education, 26*,1124-1135.

Messmann, G., & Mulder, R. H. (2011). Innovative work behaviour in vocational colleges: Understanding how and why innovations are developed. *Vocations and Learning, 4*, 63–84.

Mishra, P., & Kereluik, K. (2011). What 21st Century Learning? A Review and A Synthesis. *In* Maddux, C. D., Koehler, M. J., Mishra, P., & Owens, C. (eds.). *Proceedings of Society for Information Technology & Teacher Education International Conference 2011*. Chesapeake, VA: AACE.

Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological Pedagogical Content Knowledge: A Framework for Teacher Knowledge. *Teachers College Record, 108*(6), 1017-1054.

Moe, A., Pazzaglia, F., & Ronconi, L. (2010). When Being Able Is Not Enough. The Combined Value of Positive Affect and Self-Efficacy for Job Satisfaction in Teaching. *Teaching and Teacher Education, 26*, 1145-1153.

Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustafa, M. N. (2013). Professional Competency Differences Among High School Teachers in Indonesia. *International Education Studies, 6*(9), 83-92.

Olawale, S. G., Adeniyi, E. O., & Olubela, O. I. (2010). Creativity Fostering Behaviour as an Index of Productivity and Capacity Building Among Lecturers in Selected Universities in Ogun and Oyo States. *Educational Research and Review, 5*(5), 257-262.

Ozkal, N. (2014). Relationships Between Teachers' Creativity Fostering Behaviors and Their Self-Efficacy Beliefs. *Educational Research and Reviews, 9*(18), 724-733.

Pejabat Pendidikan Daerah Muar. (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21*. Muar, Johor: Pejabat Pendidikan Daerah Muar.

Polat, S., Kaya, S., & Akdag, M. (2013). Investigating Pre-Service Teachers' Beliefs about Classroom Discipline. *Educational Sciences: Theory and Practice, 13*(2), 885-890.

Putman, S. M. (2012). Investigating Teacher Efficacy: Comparing Preservice and Inservice Teachers with Different Levels of Experience. *Action in Teacher Education,* 34(1), 26-40.

Rahimi, M., & Asadollahi, F. (2012). On the Relationship Between Iranian EFL Teachers' Classroom Management Orientations and Teaching Style. *Procedia-Social and Behavioral Sciences, 31*, 49–55.

Reilly, R. C., Lilly, F., Bramwell, G., & Kronish, N. (2011). A Synthesis of Research Concerning Creative Teachers in a Canadian Context. *Teaching and Teacher Education, 27*(3), 533–542.

Rhodes, M. (1961). An analysis of creativity. *Phi Beta Kappen Journal, 42*, 305-310.

Rosidah Abdullah Sani, dan Abdul Rahim Hamdan. (2014). Ke Arah Pengurusan Kurikulum Berkesan: Peranan Elemen Perancangan, Pengelolaan, Kepimpinan dan Pengawalan. *Proceedings of International Education Postgraduate Seminar 2014*. 23-24 December 2014. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor, Malaysia. 229-241.

Saeedi, M. (2016). EFL Teacher's Attitudes and Beliefs Regarding Classroom Management Style: The Case of Gender and Teaching Experiences. *European Journal of Education Studies, 2*(1), 58-69.

Santiago, D. A. (2012). *A Study of The Relationship Between Middle School and High School Teachers Instructional and Behavior Management Practices and Demographic Variables*. Doctoral Dissertation. Lynchburg, VA: Liberty University.

Sass, D. A., Lopez, J., Oliveira, C., & Martin, N. K. (2016). An Evaluation of The Behavior and Instructional Management Scale's Psychometric Properties Using Portuguese Teachers. *Teaching and Teacher Education, 55*, 279-290.

Sawyer, R. K. (2010). Learning for creativity. *In* Beghetto R. A. & Kaufman J. C. (Eds.). *Nurturing Creativity in The Classroom*. pp. 172-190. Cambridge: Cambridge University Press.

Sawyer, R. K. (2012). *Explaining Creativity: The Science of Human Innovation*. Oxford: Oxford University Press.

Sellars, M. (2012). Teachers and Change: The Role of Reflective Practice. *Procedia-Social and Behavioral Sciences, 55*, 461-469.

Sivri, H., & Balci, E. (2015). Pre-Service Teachers' Classroom Management Self-Efficacy Beliefs. *International Online Journal of Educational Sciences, 7*(4), 37-50.

Soh, K. C. (2015). Creativity Fostering Teacher Behaviour Around the World: Annotations of Studies Using the CFTIndex. *Cogent Education, 2*, 1-18.

Suprayogi, M. N., Valcke, M., & Godwin, R. (2017). Teachers and Their Implementation of Differentiated Instruction in The Classroom. *Teaching and Teacher Education, 67*, 291-301.

Torrance, E. P. (1968). *Education and The Creative Potential*. Minneapolis: University of Minnesota Press.

Torrance, E. P. (1995). *Why fly? A philosophy of creativity*. Norwood, New Jersey: Ablex Publishing.

Ucus, S., & Acar, I. H. (2018). The Association Between Teachers' Innovativeness and Teaching Approach: The Mediating Role of Creative Classroom Behaviors. *Social Behavior and Personality: An International Journal, 46*(10), 1-16.

Unal, Z., & Unal, A. (2012). The Impact of Years of Teaching Experience on The Classroom Management, Approaches of Elementary School Teachers. *International Journal of Instruction*, *5*(2), 41-60.

Voogt, J., & Pareja-Roblin, N. (2012). Teaching and Learning in the 21st Century. A Comparative Analysis of International Frameworks. *Journal of Curriculum Studies, 44*, 299-321.

Voogt, J., Fisser, P., Pareja Roblin, N., Tondeur, J., & van Braak, J. (2013). Technological Pedagogical Content Knowledge - A Review of The Literature. *Journal of Computer Assisted Learning, 29*(2), 109-121.